



# PENDERA BUKAN GILA TETAPI INGIN BERKUASA!

Bersama  
Prof. Dr. Najib Alwi  
Pakar Perunding Psikologi  
Kolej Universiti Sains & Perubatan Cyberjaya (CUCM)

**W:** Mengapakah seseorang itu sanggup melakukan penderaan terutama ke atas anak kecil?

Punca seseorang itu menjadi pendera ada pelbagai. Menurut kajian, faktor terpenting menjurus tindakan ini lantaran pendera juga pernah mengalami episod penderaan semasa kanak-kanak. Namun begitu, bukan semua mangsa dera membesar menjadi pendera.

Faktor-faktor lain termasuklah membesar dalam keluarga yang bermasalah dan kecelaruan personaliti seperti narcissistic personality disorder dan borderline personality disorder.

Kanak-kanak yang membesar dalam keluarga yang bermasalah sering terdedah kepada interaksi ganas dan menakutkan di rumah sehingga mereka 'terbiasa' dengan suasana keganasan. Pola keganasan dan penderaan yang mereka lihat semasa membesar akhirnya menimbulkan kecenderungan untuk bertindak ganas dan mendera.

Malah seseorang yang mengalami kecelaruan personaliti narsistik juga sering inginkan kekuasaan dan penghargaan. Jika keterlaluan menguasai diri, maka mencenderungkan mereka untuk mendera boleh terjadi.

Manakala seseorang yang mengalami kecelaruan personaliti borderline pula sering hilang kawalan diri dan melakukan tindakan secara impulsif tanpa memikirkan akibatnya.

**W:** Bolhkah dikatakan kelakuan mendera ini sebagai gangguan mental dan adakah ia boleh berlanjutan kepada masalah mental?

Kelakuan mendera bukanlah gangguan mental dan biasanya tidak pula membawa kepada kecelaruan mental. Namun begitu mungkin ada sebahagian kecil individu yang mengalami gangguan mental bertindak ganas serta hilang kawalan sehingga bertindak memukul atau mencederakan ahli keluarga atau orang lain. Kes-kes begini yang sering disensasikan kerana mungkin melibatkan kecederaan yang amat serius atau pembunuhan.

**W:** Apa yang pendera rasai apabila mereka mendera mangsanya?

Pendera biasanya berasakan mereka berkuasa apabila mendera orang yang lebih lemah. Ini sebahagiannya memenuhi keperluan emosi mereka sebagai seorang yang kurang keyakinan diri dan serba kekurangan.

**W:** Adakah ciri-ciri khas yang boleh digariskan kepada seseorang yang bernama pendera ini?

Menurut kajian, berikut adalah ciri-ciri seorang pendera:

- Biasanya lelaki (walaupun terdapat juga pendera wanita).
- Panas baran, agak bergantung secara emosi kepada orang lain.
- Sering mahukan pencapaian / keputusan segera.
- Mempunyai ego yang tidak mudah dipuaskan.
- Rendah diri, sering berjanji mahu memperbaiki diri.
- Melihat diri sendiri sebagai tidak pandai bergaul.
- Sering menyekat teman hidup daripada bergaul rapat dengan rakan dan keluarga.
- Tidak menghormati atau tidak memahami batasan

pergaulan.

- Percaya bahawa kekerasan adalah tidak salah jika ia dilakukan untuk kebaikan yang lebih besar.
- Tidak rasa bersalah selepas sesuatu episod keganasan.
- Amat mendesak dan ganas semasa melakukan hubungan seksual.
- Sering menggunakan ugutan untuk mengawal orang lain.
- Menyalahkan orang lain apabila berlakunya penderaan.
- Menganggap wanita sebagai objek.
- Kekedut dalam berbelanja.
- Sering berlaku kejam terhadap binatang.
- Sering mempergunakan kanak-kanak dalam banyak hal.
- Menjadikan mangsa penderaan kelihatan 'tidak siaman'.
- Sering memperkecil-kecilkan dan menghina isteri di hadapan orang lain.
- Terlalu cepat memulakan hubungan intim dengan seseorang.
- Amat meminati senjata.

**W:** Bagaimanakah mengesan seseorang itu adalah mangsa dera?

- Sentiasa berhati-hati untuk tidak menimbulkan kemarahan pendera.
- Percaya mereka tidak boleh hidup tanpa pendera.
- Berhenti berjumpa rakan dan ahli keluarga atau tidak lagi melibatkan diri dalam aktiviti yang pernah diminati.
- Tidak berani meluahkan rasa tidak puas hati kepada pendera.
- Merasakan dirinya sahaja yang memahami dan dapat mengawal & membantu pendera.
- Sering memohon maaf kepada orang lain terhadap tingkah laku buruk pendera.
- Kekal hidup bersama-sama pendera kerana bimbang pendera akan membunuh diri jika beliau meninggalkannya.

**W:** Dari sudut perubahan apakah yang perlu dilakukan kepada pendera? Adakah rawatan yang bersesuaian buat mereka?

Sebahagian pendera tidak mengetahui bahawa kelakuan mereka itu salah dan memudaratkan orang lain. Mereka ini sepatutnya diberi nasihat oleh ahli keluarga yang mereka hormati seperti bapa mertua atau bapa saudara yang berpengaruh dalam keluarga. Biasanya, jika berjaya disedarkan, mereka mungkin boleh berubah atau terbuka untuk pergi mendapatkan bantuan dan rawatan.

Sebaliknya, terdapat juga pendera yang sedar tentang perbuatan mereka dan sering menyesal atas tindakan ganas yang dilakukan tetapi tidak tahu bagaimana caranya untuk mendapatkan bantuan bagi memperbaiki diri mereka. Pendera sebegini wajar dibantu lebih-lebih lagi jika mereka datang meminta bantuan.

Sementara itu, pendera tegar yang tidak pernah menunjukkan penyesalan dan secara berterusan melakukan penderaan harus dilaporkan kepada pihak berkuasa demi menyelamatkan mangsa penderaan. **W**